

Utusan Malaysia - 13/6/16

Nurmelisa semakin hampir mencapai impian

KUALA TERENGGANU 12 Jun

- Keupayaan fizikal **Nurmelisa Mohd. Yadi**, 18, agak terbatas tetapi semangat gadis ini tidak pernah patah malah semakin hampir dalam perjalanan mengejar impian masa depannya.

Penerima anugerah cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi kategori Calon Berkeperluan Khas (CBK) 2015 peringkat negeri ini turut melangkah bersama-sama 241 pelajar lain menjadi warga baharu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

"Alhamdulillah, hasrat untuk belajar di sini dalam jurusan Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusastraan Arab) tercapai dan saya akan berusaha bersungguh-sungguh sampai dapat menjadi pensyarah bahasa Arab suatu masa nanti.

"Ini hadiah saya untuk keluarga terutama bapa Mohd. Yadi Taib, 46, yang sehingga kini belum dapat dikesan sejak hilang selepas keluar bekerja sejak tiga tahun lalu," katanya ketika ditemui dalam Majlis Penutup Minggu Mesra Siswa (Kemasukan Diploma) di Dewan Perdana di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Mahadzir Mohamad.

Normelisa menghidap penyakit saraf sejak berusia 11 tahun dan terpaksa bergerak dengan kerusi roda, merupakan seorang daripada enam orang kurang upaya (OKU) yang ditawarkan melanjutkan pelajaran di peringkat diploma universiti itu bagi sesi 2016/2017 kali ini.

Bekas pelajar Sekolah Menengah



Ini hadiah saya untuk keluarga terutama bapa Mohd. Yadi Taib, yang sehingga kini belum dapat dikesan sejak hilang selepas keluar bekerja sejak tiga tahun lalu."

NORMELISA MOHD. YADI
Penerima anugerah cemerlang
Sijil Pelajaran Malaysia

Agama (SMA) Khairiah Kuala Terengganu itu berasa sangat bertuah kerana dapat merealisasikan impian menyambung pengajian ke universiti yang sememangnya menjadi pilihan utamanya.

Sementara itu, seorang lagi pelajar dalam kategori Orang Kurang Upaya (OKU), **Atifah Aishah Rosli**, 18, dari Kampung Kubang Jela di sini bersyukur kerana rakan-rakan tetap menerimanya seperti orang biasa malah mereka sedia menghulurkan bantuan ketika diperlukan.

Dia yang bertubuh kecil dengan ketinggian 1.16 meter berazam membuktikan kemampuannya bersaing dengan insan normal yang lain di kampus itu.

"Kadang-kadang ada rasa gementar kerana ini kali pertama saya berjauhan dengan keluarga tetapi saya anggap ini peluang terbaik untuk saya berdikari," katanya yang juga merupakan pelajar cemerlang SPM di SMK Manir.